

FORUM AKADEMIA MELAKA

BIL.5 NO. 2

OKTOBER, 1996

Krisis Hutang : Satu Pengajaran kepada
Pentadbiran Awam Masa Kini
Norhayati Mohd Salleh


Defisit Imbalan Pembayaran dan
Beberapa Implikasi Polisi
Arijin Md. Salleh

Ciri dan Fungsi Bandar Dari Prespektif Islam
Hassan Baharom

Memahami Kepentingan Asas Nilai Murni
Mohd Pisal Zainal

Towards Improving Team Building in Organizations
Vijaya Letchimi S. Thayan

INSTITUT TEKNOLOGI MARA
MELAKA



F O R U M

AKADEMIA MELAKA

Penasihat	Dr Ibrahim Kamal Abdul Rahman Jamaluddin Hj Bujang
Ketua Editor	Rozalli Hashim
Sidang Editor	Shahariah Othman, Mohd Pisal Zainal, Sujatha Menon, Hazami Kamaruddin, Mahadzir Ismail dan Ismail Embong.

FORUM AKADEMIA MELAKA adalah forum akademik dalamari bagi para tenaga akademik di ITM Melaka. Ianya diterbitkan setiap bulan atau apabila mencukupi kuota bilangan artikel. Ia bertujuan untuk menjadi forum kepada ahli-ahli akademik kampus berkongsi maklumat mengenai bidang masing-masing termasuk aspek-aspek pengajaran dan pembelajaran dalam dua bahasa; Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.

Segala penemuan, interpretasi dan kesimpulan yang dimuatkan di dalam forum ini adalah pandangan mutlak para penulis dan tidak boleh dijadikan pandangan atau pendirian ITM Melaka. Oleh yang demikian, FORUM AKADEMIA MELAKA tidak mengambil tanggungjawab kepada penggunaan sebarang maklumat yang diterbitkan sama ada untuk tujuan akademik atau tujuan-tujuan lain.

FORUM AKADEMIA MELAKA mengalu-alukan sebarang komen dan maklum balas dari para pembaca. Sila kirimkan pandangan anda kepada Ketua Editor melalui alamat berikut :-

Ketua Editor
FORUM AKADEMIA MELAKA
Pejabat USPP
ITM Melaka
78000 Alor Gajah

(C)Hak Cipta Terpelihara

Undang-undang negara mengenai hak cipta adalah terpakai. FORUM AKADEMIA MELAKA menggalakkan sebaran maklumat yang diterbitkan dan memberi kebenaran dicetak semula melalui permohonan rasmi tetapi hanya bagi tujuan akademik dan bukan untuk mendapatkan keuntungan. Sebutan sumber asal adalah dialu-alukan.

Percetakan dan Jilid : Rahayu Harun, Mansor Abu Hassan dan Sharif Sulong

FORUM AKADEMIA MELAKA merakamkan penghargaan kepada semua penyumbang yang menjayakan penerbitannya.

FORUM AKADEMIA MELAKA

Bilangan 5

Oktober 1996

Nombor 2

Kandungan/Contents

Krisis Hutang : Satu Pengajaran kepada Pentadbiran Awam <i>Masa Kini</i> <i>Norhayati Mohd Salleh</i>	1
Defisit Imbalan Pembayaran dan Beberapa Implikasi Polisi <i>Arifin Md. Salleh</i>	10
Ciri dan Fungsi Bandar Dari Prespektif Islam <i>Hassan Baharom</i>	19
Memahami Kepentingan Asas Nilai Murni <i>Mohd Pisan Zainal</i>	29
Towards Improving Team Building in Organizations <i>Vijaya Letchimi S. Thayan</i>	36

Memahami Kepentingan Asas Nilai Murni

Mohd Pisal Zainal*

Abstrak

Pemahaman dan penghayatan nilai-nilai murni adalah penting di dalam merealisasikan Malaysia sebagai sebuah negara maju mengikut acuan sendiri. Nilai-nilai murni tersebut telahpun diterapkan dan secara merentas kurikulum bermula di peringkat rendah hingga ke peringkat yang lebih tinggi di dalam bidang pendidikan. Nilai-nilai tersebut turut diterapkan di dalam pentadbiran awam di Malaysia. Ianya adalah bersifat universal yang dikongsi bersama oleh seluruh lapisan masyarakat Malaysia. Kertas ini secara ringkasnya membincarkan nilai-nilai murni berdasarkan pendekatan Islam dan peradapan Kong Fu Tze.

Pengenalan

Negara Malaysia telah menyaksikan kadar pertumbuhan ekonomi yang sangat memberansangkan bagi tempoh lapan tahun kebelakangan ini. Ini dibuktikan dengan peningkatan kadar pertumbuhan Keluaran Negara Kasar (KNK) yang melebihi 8%, peningkatan pendapatan per kapita daripada US\$1814 pada 1987 kepada US\$2790 pada 1990 (The World Bank, 1994; Malaysia, 1994) dan pengurangan dalam kadar pengangguran adalah di antara indikator penting yang barangkalinya menjadikan Malaysia disebut sebagai tergolong di dalam *The East Asian Miracle* (The World Bank, 1994). Kedudukan ini meletakkan negara Malaysia satu tahap lagi ke hadapan selaras dengan aspirasi kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju (menurut acuan sendiri) menjelang tahun 2000.

Kemajuan dan kesejahteraan ekonomi yang dikecapi kini bukannya tanpa kos, atas kesedaran inilah barangkalinya Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (1991)

* En. Mohd Pisal Zainal adalah Pensyarah Ekonomi di Kajian Perniagaan dan Pengurusan, Institusi Teknologi MARA Cawangan Melaka. Beliau kini sedang cuti belajar Amerika Syarikat. Kertas kerja ini telah dibentangkan di Kursus Ketahanan Fizikal Waja, anjuran Telekom Malaysia dan Minda Muafakat. Bertempat di Port Dickson, Negeri Sembilan pada 24 Julai 1995.

menyatakan bahawa cabaran keempat dalam merealisasikan Malaysia sebagai sebuah negara maju ialah :-

'... membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh, dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur'.

Kebimbangan Perdana Menteri sememangnya berasas. Ini berdasarkan kepada meningkatnya gejala sosial di kalangan masyarakat. Kegawatan sosial yang sekali imbas, seolah-olah sama meningkatnya dengan peningkatan pertumbuhan ekonomi sememangnya membimbangkan. Masalah runtuhnya sistem kekeluargaan yang dibuktikan dengan pemusatan ke arah pembentukan keluarga nuklear, remaja (lelaki dan wanita) yang menggadai maruah diri, rasuah, pecah amanah, dan diskriminasi dalam institusi sosial, ekonomi dan politik (Cheu Hock Tong, 1994).

Ini adalah sebahagian daripada penyakit sosial masa kini, sebagai menamakan beberapa contoh. Penyakit sosial seperti amalan rasuah yang berleluasa, jika tidak dibendung daripada akar umbinya akan menjelaskan kemasukan pelaburan asing dan secara langsung akan menjelaskan aspirasi untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2000 (Schlosstein, dalam Siddiq Fadzil, 1992).

Berdasarkan kepada latar belakang ini, kertas yang ringkas ini cuba bersama-sama membincangkan di dalam mengenalpasti nilai-nilai murni yang bersifat sejagat yang dikongsi bersama keseluruhan rakyat Malaysia. Untuk menjamin kelangsungan keamanan dan kesejahteraan yang dinikmati seluruh warga, dan bagi menjadikan Malaysia sebagai negara yang disegani dan diteladani bukan sahaja dari segi kecemerlangan pertumbuhan ekonomi yang mampan, tetapi juga dari segi ketinggian moral dan etika rakyatnya kesejahteraan sosial, politik, kebudayaan, pendidikan dan toleransi di dalam kebebasan beragama, dengan menyedari hakikat bahawa Islam adalah agama rasmi negara, maka penghayatan dan perlaksanaan nilai-nilai murni adalah tugas dan tanggungjawab setiap individu sama ada di peringkat diri sendiri, keluarga/masyarakat ataupun di peringkat organisasi.

Pembentukan Nilai Dan Norma Dalam Konteks Malaysia

Dari segi bahasa, nilai tidak sama dengan norma. Dengan yang demikian sangatlah perlu untuk memberi satu takrifan mengenai nilai dan norma yang berlandaskan latarbelakang masyarakat Malaysia yang berbagai. Menurut Dr. Cheu Hock Tong (1994) nilai merujuk kepada harga kepada sesuatu benda, sama ada konkrit atau halus, dibandingkan dengan harga benda lain. Harga benda konkrit merujuk kepada harga barang yang boleh dijual beli, sementara harga barang halus merujuk kepada harga ketinggian, kesucian dan kemuliaan yang ada pada perwatakan, pemikiran, kerohanian agama, falsafah dan kemasyarakahan yang tidak boleh dijual beli. Dengan yang demikian

nilai murni merujuk kepada harga ketinggian, kesucian dan kemuliaan yang secara universalnya membezakan manusia daripada haiwan. Maka ia boleh disimpulkan sebagai nilai-nilai agama yang berteraskan kebenaran, kesucian, kesayangan, keamanan dan keselamatan.

Sementara norma merujuk kepada satu himpunan peraturan yang menghuraikan tingkah laku yang wajar dan tidak wajar bagi sesuatu keadaan. Iri merupakan harapan sosial yang dibentuk oleh keperluan-keperluan dalam kegiatan kehidupan berkelompok. Norma memperlhatkan ketentuan, tanggungjawab, hukuman, dan denda sosial yang tertentu (Nik Azis Nik Pa, 1994). Dan ianya berbeza daripada konsep etika. Etika, menurut Nik Azis Nik Pa, terbahagi kepada dua, yang pertama ia merujuk kepada ilmu pengetahuan, kod, dasar, atau prinsip akhlak/moral; sementara yang keduanya merujuk kepada cara hidup atau pola hidup am. Syed Naquib Al-Attas (1980) merangkumkan ketiga-tiga konsep di atas ke dalam satu perkataan yang disebut sebagai adab. Menurut beliau :

Adab is the discipline of body, mind and soul; the discipline that assures the recognition and acknowledgement of one's proper place in relation to one's physical, intellectual and spiritual capacities and potentials; the recognition and acknowledgement of the reality that knowledge and being are ordered hierarchical according to their various levels and degrees.

Penghayatan adab oleh individu dan masyarakat secara menyeluruh mencerminkan keadaan yang adil, manakala keadilan itu sendiri adalah manifestasi hikmah (wisdom). Hikmah antara lain bermaksud keadaan jiwa yang dengannya dapat diketahui dan dibezakan kebenaran daripada kesalahan dalam segala perbuatan yang termasuk dalam ikhtiar manusia.

Adab hanya terbentuk melalui proses pendidikan yang sistematik dan berterusan. Kesungguhan pemerintah di dalam melahir generasi yang mampu menghadapi cabaran arus abad ke duapuluh satu dimanifestasikan melalui penggubalan program latihan dan pendidikan di bawah Rancangan Malaysia Keenam yang digariskan sebagai *not only to equip individuals with the appropriate and skills but also to produce responsible citizens with strong moral and ethical values* (Malaysia, 1991). Program yang sebegini bukan sahaja menambahkan lagi daya saing dan ketrampilan tenaga buruh Malaysia bahkan akan menambahkan daya saing negara. Ini selaras dengan hasrat Perdana Menteri yang mengimpikan terbentuknya sebuah masyarakat yang makmur, dengan ekonomi yang mampu menghadapi persaingan, bersifat dinamis, tangkas dan mempunyai daya ketahanan menjelang tahun 2000.

Dengan latar belakang masyarakat yang berbagai dari segi agama, budaya, sejarah dan pendidikan, untuk menjayakan proses pembentukan nilai-nilai murni di Malaysia perlu mengambil kira dua aspek berikut :

- ñ untuk saling memahami latar belakang nilai dan kebudayaan kelompok-kelompok di negara kita dan berusaha mengetengahkan nilai-nilai yang dikongsi bersama.
- ñ perlunya menghormati Perlembagaan Negara dan Rukun Negara sebagai asas hidup bermasyarakat (Nik Azis Nik Pa, 1994).

Berdasarkan kepada dua kekangan yang diberikan di atas, maka Kementerian Pendidikan dalam melaksanakan reformasi pendidikan telah menyenaraikan enam belas nilai murni yang perlu diterapkan merentasi kurikulum sekolah, iaitu :

- ñ Baik hati
- ñ Berdikari
- ñ Berhemah tinggi
- ñ Hormat-menghormati
- ñ Kasih sayang
- ñ Keadilan
- ñ Kebebasan
- ñ Keberanian
- ñ Kebersihan fizikal dan mental
- ñ Kejujuran
- ñ Kerajinan
- ñ Kerjasama
- ñ Kesedaran
- ñ Kesyukuran
- ñ Rasional, dan
- ñ Semangat bermasyarakat

Sementara dalam konteks pentadbiran awam pula, kerajaan telah memperkenalkan ‘Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam Dalam Pentadbiran’ pada tahun 1985. Pengenalan dasar ini bukan bertujuan untuk mengislamkan rakyat Malaysia yang bukan beragama Islam tetapi lebih kepada memupuk nilai-nilai moral yang baik dalam urusan kehidupan. Di antara nilai-nilai yang menjadi nadi dasar ini ialah :-

- ñ Amanah
- ñ Ikhlas
- ñ Sederhana
- ñ Bersih
- ñ Bekerjasama
- ñ Berbudi mulia
- ñ Bertanggunjawab
- ñ Dedikasi
- ñ Tekun
- ñ Berdisiplin

ñ Bersyukur

Pada tahun 1992, dua belas peringatan tambahan telah dikeluarkan untuk memperkuatkan penghayatan nilai-nilai murni dalam menjalani tugas harian. Ia dikenali sebagai Tonggak Dua Belas (INTAN,1992), iaitu :-

- ñ Menghargai masa
- ñ Keseronokan bekerja
- ñ Ketinggian peribadi
- ñ Pengaruh Teladan
- ñ Kebijaksanaan berhemat
- ñ Peningkatan Bakar
- ñ Ketekunan membawa kejayaan
- ñ Kemuliaan kesederhanaan
- ñ Kekuatan sifat baik hati
- ñ Kewajipan menjalankan tugas
- ñ Keutamaan kesabaran
- ñ Nikmat mencipta

Jika dihalusi arah reformasi pendidikan dan perlaksanaan nilai-nilai murni di pentadbiran awam menunjukkan keserasian dan kesinambungan yang amat jelas. Dan jika dilihat dengan lebih mendalam secara perbandingan dengan falsafah dan ajaran Kong Fu Tze yang menyatakan bahawa setiap insan mesti :

- ñ membina akhlak (*xiusheng*) sebelum dia dapat mengurus rumahtangga (*jijia*). Akhlak di dalam rumahtangga akan membolehkannya mentadbir negara (*zhiguo*) yang kemudiannya membawa keamanan kepada dunia (*ping tianxia*).

Sementara di antara nilai-nilai murni atau etika yang diajarkan Kong Fu Tze ialah:

- ñ Kasih sayang dan berperikemanusiaan (*ren ai*)
- ñ Rahmat rahim (*ren ci*)
- ñ Maruah dan tahu malu (*li yi lian*)
- ñ Kasih sayang, kebenaran, hormat-menghormati, kebijaksanaan dan amanah (*ren yi li zhi xin*)
- ñ Kebaktian anak kepada ibu bapa (*xiao*)
- ñ Ketaatsetiaan rakyat kepada negara (*xio zhong*)
- ñ Keamanan (*he ping*)

Berdasarkan kepada senarai nilai-nilai murni yang dikemukakan di atas, kesimpulan yang umum yang boleh diambil ialah, betapapun jauhnya perbezaan latar belakang budaya, agama, sosial dan sejarah yang diamalkan rakyat Malaysia, jika mereka berpegang kepada perkara yang asas dan teras, kita boleh membentuk sebuah negara Malaysia yang lebih cemerlang. Persoalan yang biasa dihadapkan ialah bagaimakah nilai-nilai murni yang dikenalpasti begitu muluk dapat direalisasikan oleh setiap individu di semua peringkat? Barangkalinya jawapan yang baik ialah untuk meminjam kata-kata Kong Fu Tze bahawa 'apa yang dipelajari hendaklah diamalkan (*xue er shi xi zhi*) dalam kehidupan seharian supaya mendatangkan kesan dan faedah yang bermakna'.

Kesimpulan

Perbincangan di atas hanya mengemukakan secara ringkas beberapa nilai-nilai murni (adap) yang bersifat sejagat yang perlu diamalkan setiap warga Malaysia bagi menjamin taraf negara maju yang ingin dikecapi sesungguhnya adalah berdasarkan citarasa dan acuan negara ini sendiri. Di peringkat individu, penghayatan nilai-nilai murni akan meletakkan seseorang itu kepada satu tahap keharmonian diri yang tinggi dan sentiasa menjalankan tugas dan kerja yang diberikan sebagai amanah, bukan hanya berdasarkan ketrampilan dan kelayakan tetapi juga bersama-sama kewibawaan moral. Tugas haruslah dilihat sebagai amanah dan tanggungjawab dan bukannya sebagai simbol kebesaran yang penuh glamour (Siddiq Fadzil, 1992). Kesimpulannya, saya ingi memetik sebahagian daripada ucapan Perdana Menteri yang disampaikan di *The Harvard Club Dinner* pada tahun 1993;

The importance of good ethics cannot be over estimated. The individual, the community and the nation need good ethics. Without it everyone, without exception, will suffer. Indeed the decline and fall of great empires are invariably due to ethical deterioration. And problems that are being faced by many developed nations today are in part due to the decline of ethical and moral values in their societies.

Bibliografi

Cheu Hock Tong. 1994. *Nilai-nilai Murni dalam Pembentukan Masyarakat Bermoral dan Penyayang di Malaysia*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Kebangsaan Peranakan Paradigma dalam Sistem Pendidikan Negara. Anjuran Angkatan Belia Islam Malaysia. Universiti Pertanian Malaysia.

Mahathir Mohamad. 1991. *Malaysia : The Way Forward*. Kertas kerja dibentangkan di Inaugural Meeting of the Malaysian Business Council. Kuala Lumpur.

- Mahathir Mohamad. 1993. *Imperatives of a Fully Moral and Ethical Society*. Ucapan di Havard Club Dinner. Kuala Lumpur.
- Malaysia . 1991. *Sixth Malaysia Plan 1991-1996*. Kuala Lumpur : Jabatan Percetakan Nasional.
- Nik Aziz Nik Pa. 1994. *Penghayatan Wawasan Pembangunan Negara*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siddiq Fadzil. 1992. *Minda Melayu Baru*. Kuala Lumpur : Institut Kajian Dasar.
- Syed Muhammad Al-Naquib Al-Attas. 1980. *The Concept of Education in Islam*. Kuala Lumpur : Angkatan Belia Islam Malaysia.
- The World Bank. 1993. *The East Asian Miracle : Economic Growth and Public Policy*. New York : Oxford University Press.